

4 pelajar UMP menang pingat emas di IEYI

KUANTAN 4 Jan. – Empat pelajar Diploma Kejuruteraan Awam, Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam (FKASA) Universiti Malaysia Pahang (UMP) berjaya meraih pingat emas di Vietnam baru-baru ini.

Kejayaan tersebut diraih pada Pameran Antarabangsa Perekra Muda (IEYI) anjuran Tabung Sokongan Teknologi Vietnam (Vifotec) dengan kerjasama VIETIN Bank di Istana Kebudayaan Setiaawan Hanoi, Vietnam.

Mohamad Amirul Shazwan Zakaria berjaya meraih pingat emas menerusi penyelidikannya yang menghasilkan tanda kelepas sawit tiruan bagi memerangkap dan membunuh anai-anai yang diselia oleh penyalah FKASA, Abdul Syukor Abd. Razak.

Turut dianugerahkan pingat emas ialah Mohamad Hafizuddin Ramli menerusi projek penyelidikan yang menggunakan tanaman teratai, kiambang dan pokok misai kucing untuk merawat air kumbahan dalam ternakan babi.

Seorang lagi pelajar UMP, S.R Muthukumar memamerkan kecemerlangan dengan meraih pingat emas dalam penyelidikan, mengenai penggunaan kulit ba-

wang bagi mengurangkan kesan karat dalam paip air bawah tanah.

Selain itu, seorang lagi pelajar universiti itu, Amirudin Ibrahim berjaya mendapat pingat emas dalam projek yang menghasilkan sistem bekalan air di luar bandar dengan menggunakan air hujan dan saluran air bawah tanah.

Bagi Naib Canselor UMP, Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim, kejayaan penyelidik muda universiti itu di peringkat antarabangsa diharap dapat menyentik semangat untuk menarik lebih ramai pelajar membudayakan reka cipta dan berinovasi.

Menurutnya, program yang diperkenalkan kepada penyelidik UMP berjaya meraih kejayaan yang membanggakan di pentas antarabangsa.

“Saya juga mengharapkan golongan penyalah yang mengalami kesulitan dalam berpengalaman dapat membimbing pelajar dalam melahirkan lebih ramai penyelidik muda di UMP,” katanya.

Sebanyak 46 negara menyertai Pertandingan IEYI 2010 yang dirasmikan Naib Presiden Vietnam, Dr. Ho Uy Liem dan terbuka kepada mereka yang berpotensi menghasilkan rekaan serta terbukti mempunyai inovasi.



ABDUL Syukor Abd. Razak bersama pelajar yang memenangi pingat emas pada Pameran Antarabangsa Perekra Muda (IEYI 2010) di Vietnam, baru-baru ini.

Selain UMP, turut menyumbang emas adalah Universiti Malaysia Perlis (UniMap) mencatat kemenangan memperoleh pingat emas tertinggi di pertandingan itu.